



BAB
4

ALASAN PENGHAKIMAN DALAM KES JENAYAH

Pendahuluan

Alasan penghakiman merupakan huraian mahkamah untuk menjustifikasikan hukumannya. Dengan kata lain, sebab-sebab hakim menjatuhkan hukuman sedemikian perlu diterangkan. Ia perlu mengandungi rujukan kepada peruntukan undang-undang dan nas-nas yang berkaitan dengan isu yang ditimbulkan dalam kes. Lazimnya, hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak yang bertikai akan dimasukkan berdasarkan kepada keperluan. Faktor-faktor keringanan hukuman menjadi sebahagian daripada alasan penghakiman jika hakim mengambil kira faktor tersebut dalam menetapkan hukuman.

Rekod prosiding adalah nota keseluruhan perbicaraan yang akan menjadi bahan rujukan kepada sesiapa sahaja dalam tempoh yang lama. Ia penting untuk tujuan rayuan sekiranya ada pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah diberi. Penghakiman dan penulisan alasan-alasan yang lengkap menjadi kayu pengukur tentang ketelusan dan kredibiliti mahkamah. Alasan yang tepat akan memberikan kepuasan samada mereka menang atau kalah.

Persoalan yang timbul samada hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah setimpal atau sebaliknya terjawab sekiranya hakim mengambil inisiatif untuk menulis alasan penghakimannya secara terperinci. Di samping itu, pesalah yang dihukum juga mengetahui sebab-sebab mereka dihukum dan dapat mengambil pengajaran daripadanya. Akhir sekali, penulisan alasan penghakiman yang baik akan memperkayakan rujukan perundangan dan membantu perkembangannya. Sebaliknya, jika para hakim memandang ringan akan kepentingan penulisan penghakimannya, jurisprudens akan menjadi miskin dan lesu. Sesiapa sahaja daripada kalangan masyarakat boleh memandang remeh terhadap institusi kehakiman, lebih-lebih lagi pihak yang arif tentang selok-belok perundangan.

Berdasarkan kepada kajian ini, metodologi pengumpulan data daripada fail-fail yang telah selesai, digunakan bagi memperolehi sampel kes yang dibicarakan. Penyelidik telah diberi keizinan untuk mengakses 1410 kes yang telah selesai sepanjang lima (5) tahun (1999-2003) di MSWP. Didapati, sebanyak 185 fail dari tahun 1999 tidak dapat diakses menyebabkan hanya 1225 fail dapat diakses untuk tujuan kajian. Fail di bilik simpanan MSWP juga tidak disusun mengikut tarikh-tarikh penyelesaian kes. Oleh yang demikian, amat sukar untuk fail-fail dipilih mengikut kronologi penyelesaiannya. Fail yang boleh diakses iaitu 1225 telah dibahagikan kepada lima set yang mengandungi 245 fail setiap set. Untuk setiap set, 49 fail yang pertama telah dijadikan sampel kajian. Ini menjadikan jumlah sampel kajian sebanyak 245 kes iaitu 20% daripada keseluruhan fail yang boleh diakses.

Fail-fail ini kemudiannya diteliti bagi melihat rujukan penghakiman yang dipraktikkan oleh mahkamah ketika mensabitkan kesalahan terhadap OKT. Selain fakta perundangan yang terlibat, setiap data penting berkaitan dengan kes seperti takat hukuman, pendapatan, profesion, umur, tempoh perbicaraan, pengakuan salah, pembelaan (jika ada) dan lain-lain turut dicatatkan. Dokumen-dokumen sampingan dan barang-barang kes yang disita turut diambil kira untuk mendapat gambaran penuh setiap kes yang berlaku. Catatan-